

PANDUAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT UNIVERSITI



PUSAT PENGAJIAN UMUM DAN
KOKURIKULUM
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PANDUAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT UNIVERSITI

Edisi Pertama
Cetakan 2015

Edisi Kedua
Cetakan 2018

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

ISI KANDUNGAN

TAJUK	M/S
<u>ISI KANDUNGAN</u>	
1. <u>PENGENALAN</u>	1
2. <u>KONSEP KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT</u>	1
3. <u>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</u>	1
4. <u>MATLAMAT DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT</u>	1
5. <u>KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT</u>	2
6. <u>STATUS KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT</u>	8
7. <u>PERATURAN PENDAFTARAN</u>	9
8. <u>PENGECUALIAN KREDIT</u>	9
9. <u>PENDAFTARAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT</u>	10
10. <u>SINOPSIS KURSUS</u>	11
<u>TERAS SASTERA LIBERAL</u>	11
<u>TERAS PENGUCAPAN AWAM</u>	13
<u>TERAS KEUSAHAWANAN</u>	14
<u>TERAS SUKAN</u>	15
<u>TERAS KHIDMAT KOMUNITI</u>	19
<u>TERAS KESUKARELAWANAN</u>	20
<u>TERAS KEPIMPINAN</u>	26
<u>TERAS KEBUDAYAAN</u>	27
<u>TERAS DAYA USAHA DAN INOVASI</u>	30
<u>TERAS KEMAHIRAN</u>	33

1. PENGENALAN

Panduan ini mengandungi penerangan mengenai **Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB)** yang wajib diikuti oleh setiap pelajar di UTHM sebagai syarat penganugerahan Diploma atau Sarjana Muda.

2. KONSEP KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

- 2.1 Memastikan setiap pelajar berketerampilan dalam Kemahiran Insaniah melalui KKB yang menyokong perkembangan atribut pelajar.
- 2.2 Pembelajaran KKB berfokuskan kepada pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*).
- 2.3 Menerapkan nilai murni dan melatih interaksi sosial yang tinggi kepada pelajar melalui KKB.

3. FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

4. MATLAMAT DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

4.1 Matlamat

Berperanan utama membangunkan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa melalui pembelajaran berasaskan pengalaman yang menjadi pemangkin melahirkan mahasiswa holistik dan seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

4.2 Hasil Pembelajaran

- 4.2.1 Mengaplikasi pengetahuan dalam KKB yang diikuti.
- 4.2.2 Mengamalkan semangat kerja berpasukan dalam aktiviti kokurikulum.
- 4.2.3 Mempamerkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dalam aktiviti kokurikulum yang diceburi.

5. KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

5.1 KKB dibahagikan kepada sepuluh (10) bidang teras utama iaitu:

- i. Sastera Liberal (Kod UQA)
- ii. Kebudayaan (Kod UQB)
- iii. Daya Usaha dan Inovasi (Kod UQD)
- iv. Khidmat Komuniti (Kod UQK)
- v. Kepimpinan (Kod UQL)
- vi. Kemahiran (Kod UQM)
- vii. Pengucapan Awam (Kod UQP)
- viii. Kesukarelawanan (Kod UQR)
- ix. Sukan (Kod UQS)
- x. Keusahawanan (Kod UQW)

5.2 Senarai KKB adalah seperti di **Jadual 1**, penawaran adalah tertakluk kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum.

Jadual 1 : Senarai KKB

Bil	Bidang Teras	Kod Kursus	Nama Kursus
1	SASTERA LIBERAL	UQA10101	PENDIDIKAN UNDANG-UNDANG
2		UQA10201	PENDIDIKAN WANITA
3		UQA10301	PERKAHWINAN DAN KEKELUARGAAN
4		UQA10501	JOURNALISM
5		UQA10601	SAINS POLITIK
6		UQA 10701	PENDIDIKAN ALAM SEKITAR
7		UQA 10801	ASAS KESIHATAN AWAM
8		UQA 10901	KEMAHIRAN CAPAIAN MAKLUMAT
9		UQA 11001	KESELAMATAN MAKLUMAT & WEB
10	KEBUDAYAAN	UQB10101	APRESIASI PENULISAN KREATIF
11		UQB10201	GAMELAN
12		UQB10301	KOIR
13		UQB10401	KOMPANG
14		UQB10501	MUZIK MODEN
15		UQB10601	SILAT CEKAK HANAFI
16		UQB10701	SILAT SUNDA

17		UQB10801	TARANUM
18		UQB10901	TULISAN JAWI DAN KHAT
19		UQB11001	SENITARI TRADISI DAN KREATIF
20		UQB11201	TEATER
21		UQB11301	GENDANG BUDAYA
22		UQB11401	SILAT SENI GAYUNG MALAYSIA
23		UQB11501	GHAZAL MELAYU JOHOR
24		UQB11601	MUZIK KERONCONG
25		UQB11701	KUMPULAN GAMBUS
26	DAYA USAHA DAN INOVASI	UQD10101	FOTOGRAFI
27		UQD10201	VIDEOGRAFI
28		UQD10301	UMRAH DAN HAJI
29		UQD10401	SEMBELIHAN DALAM ISLAM
30		UQD10501	PENGURUSAN JENAZAH
31		UQD10601	ILMU FALAK
32		UQD10701	KEMAHIRAN AL-QURAN
33		UQD10801	ROBOCON I
34		UQD10901	ROBOCON II
35		UQD11001	PENGURUSAN KREATIVITI
36		UQD20801	ROBOCON III
37		UQD20901	ROBOCON IV
38		UQD30801	ROBOCON V
39		UQD30901	ROBOCON VI
40		UQD 11101	*PANCARAGAM I
41		UQD 11201	*PANCARAGAM II
42		UQD 21101	*PANCARAGAM III
43		UQD 21201	*PANCARAGAM IV
44		UQD 11301	ASAS LANDSKAP
45	KHIDMAT MASYARAKAT	UQK10101	KHIDMAT MASYARAKAT
46		UQK10201	KHIDMAT KOMUNITI SISWA
47	KEPIMPINAN	UQL10201	PERKAHWINAN DALAM ISLAM
48		UQL10301	IMAM DAN MUAZIN
49		UQL10401	PEMBIMBING RAKAN SEBAYA
50		UQL10501	PENGURUSAN DIRI
51		UQL 10601	PENGURUSAN ACARA DAN MAJLIS
52	KEMAHIRAN	UQM 10101	PENYELENGGARAAN KOMPUTER
53		UQM 10201	REKAAN GRAFIK BERKOMPUTER
54		UQM 11301	PERSEMBAHAN PINTAR MULTIMEDIA
55		UQM 10301	ETIKET DAN TATA CARA DI MEJA MAKAN

56		UQM 11201	PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKANAN
57		UQM 10401	PEMANDU PELANCONG
58		UQM 10901	GUBAHAN DAN HANTARAN PENGANTIN
59		UQM 10501	SERVIS DAN SENGARAAN MOTOSIKAL
60		UQM 10601	SERVIS DAN SENGARAAN KENDERAAN RINGAN
61		UQM 11501	MENSERVIS SISTEM PENYAMANAN UDARA KENDERAAN
62		UQM 11601	MENSERVIS DAN MEMASANG SISTEM PENYAMANAN UDARA JENIS PISAH DOMESTIK
63		UQM 11701	PENDAWAIAN ELEKTRIK DAN PENYAMANAN UDARA PISAH
64		UQM 11001	KERJA KONKRIT
65		UQM 11101	PEMBUATAN PERABOT
66		UQM 10701	JURU KERJA PAIP 1
67		UQM 10801	JURU KERJA PAIP 2
68		UQM 11401	PENYENGARAAN PERALATAN ELEKTRIK DOMESTIK
69		UQM 11801	ASAS KAWALAN MOTOR SATU FASA
70		UQM 11901	ASAS SATU PEMASANGAN DAN PENDAWAIAN ELEKTRIK SATU FASA
71		UQM 12001	ASAS DUA PEMASANGAN DAN PENDAWAIAN ELEKTRIK DOMESTIK SATU FASA
72		UQM 21901	PEMASANGAN DAN PENDAWAIAN ELEKTRIK SATU FASA
73		UQM 12101	TAHFIZ AL-QURAN I
74		UQM 12201	TAHFIZ AL-QURAN II
75		UQM 22101	TAHFIZ AL-QURAN III
76		UQM 22201	TAHFIZ AL-QURAN IV
77		UQM 32101	TAHFIZ AL- QURAN V
78		UQM 32201	TAHFIZ AL-QURAN VI
79	PENGUCAPAN AWAM	UQP10101	PENGUCAPAN AWAM
80		UQP10201	DEBAT
81		UQP10301	ASAS KEWARTAWANAN
82	KESUKARELAWANAN	UQR10101	*PALAPES I
83		UQR10201	*PALAPES II
84		UQR10301	*SUKSIS I
85		UQR10401	*SUKSIS II
86		UQR10501	SISPA I
87		UQR10601	*SISPA II
88		UQR10701	PENGAKAP KELANASISWA

89		UQR10801	PERTOLONGAN CEMAS
90		UQR10901	RELASIS I
91		UQR11001	*RELASIS II
92		UQR11301	*PENGAKAP KELANASISWA II
93		UQR 20701	*PENGAKAP KELANASISWA III
94		UQR 21301	*PENGAKAP KELANASISWA IV
95		UQR11401	PANDU PUTERI SISWI I
96		UQR 11501	*PANDU PUTERI SISWI II
97		UQR21401	*PANDU PUTERI SISWI III
98		UQR20101	*PALAPES III
99		UQR20201	*PALAPES IV
100		UQR20301	*SUKSIS III
101		UQR20401	*SUKSIS IV
102		UQR20501	*SISPA III
103		UQR20601	*SISPA IV
104		UQR20901	*RELASIS III
105		UQR21001	*RELASIS IV
106		UQR30101	*PALAPES V
107		UQR30201	*PALAPES VI
108		UQR30301	*SUKSIS V
109		UQR30401	*SUKSIS VI
110		UQR30501	*SISPA V
111		UQR 11101	SISKOR I
112		UQR 11201	*SISKOR II
113		UQR 21101	*SISKOR III
114		UQR 21201	*SISKOR IV
115		UQR 11601	PASUKAN BOMBA BANTUAN INSTITUSI I
116		UQR 11701	*PASUKAN BOMBA BANTUAN INSTITUSI II
117		UQR 11801	BULAN SABIT MERAH I
118		UQR 11901	*BULAN SABIT MERAH II
119	SUKAN	UQS10101	BADMINTON
120		UQS10201	BOLA BALING
121		UQS10301	BOLA JARING
122		UQS10401	BOLA KERANJANG
123		UQS10501	BOLA LISUT
124		UQS10601	BOLA SEPAK
125		UQS10701	BOLA TAMPAR
126		UQS10801	CATUR
127		UQS10901	FUTSAL

128		UQS11001	GOLF
129		UQS11101	HOKI
130		UQS11201	KAYAK
131		UQS11301	MEMANAH
132		UQS11601	PING PONG
133		UQS11701	RAGBI
134		UQS11801	SEPAK TAKRAW
135		UQS11901	SILAT OLAHRAGA
136		UQS12001	OLAHRAGA BALAPAN
137		UQS12101	TAEKWONDO
138		UQS12201	TENIS
139		UQS12301	TREKING
140		UQS12401	TENPIN BOLING
141		UQS 12501	RENANG
142		UQS12601	KARATE-DO
143		UQS12701	SUKAN DAN KECERGASAN
144	KEUSAHAWANAN	UQW10101	KEUSAHAWANAN
145		UQW10201	SISWA MUAMALAT
146		UQW10301	BISNES SISWA

* Kursus yang mempunyai prasyarat

5.3 Struktur Pelaksanaan Kursus Kokurikulum Teras Kesukarelawanan

Jadual 2 - Kursus Kokurikulum Teras Kesukarelawanan

BIL	KURSUS	CATATAN
1	PALAPES	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga ENAM (6) semester.
2	SUKSIS	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga ENAM (6) semester.
3	SISPA	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga LIMA (5) semester.
4	Pengakap Kelanasiswa	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga EMPAT (4) semester.
5	RELASIS	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga EMPAT (4) semester.
6	SISKOR	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga EMPAT (4) semester.
7	Pandu Puteri Siswi	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga TIGA (3) semester.
8	Pasukan Bomba Bantuan Institusi	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga DUA (2) semester.
9	Bulan Sabit Merah Malaysia	Pelajar perlu menamatkan kursus yang sama sehingga DUA (2) semester.

5.4 Waktu Pembelajaran dan Pengajaran

Secara umumnya semua aktiviti pembelajaran dan pengajaran KKB dilaksanakan dalam semester lazim pada setiap hari **KHAMIS** di antara jam 2:00 petang hingga 7:00 petang.

Selain daripada waktu yang telah ditetapkan di atas, pelajar juga **WAJIB** melaksanakan aktiviti luar selama **14 jam** iaitu pada hari **JUMAAT** dan **SABTU**.

Pada hari dan waktu seperti di atas, pelajar **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti aktiviti akademik selain daripada KKB. Kehadiran pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda & Diploma) UTHM yang berkuatkuasa.

6. STATUS KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

KKB adalah kursus Wajib Universiti dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 6.1 Pelajar wajib lulus dalam KKB sebagai salah satu syarat penganugerahan diploma atau sarjana muda.
- 6.2 Pelajar program Sarjana Muda dan Diploma wajib lulus dua (2) kredit KKB.
- 6.3 Bagi kursus PALAPES, jumlah jam kredit adalah enam (6) kredit iaitu empat (4) Kredit Kira bagi PALAPES I, PALAPES II, PALAPES III dan PALAPES IV, manakala dua (2) Kredit Dapat bagi PALAPES V dan PALAPES VI.
- 6.4 Bermula Semester I Sesi 2013/2014 Senat Universiti telah meluluskan perubahan jumlah jam kredit bagi SISPA daripada enam (6) kredit kepada lima (5) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi SISPA I dan SISPA II manakala tiga (3) Kredit Dapat bagi SISPA III, SISPA IV dan SISPA V.
- 6.5 Bagi kursus SUKSIS, jumlah jam kredit adalah enam (6) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi SUKSIS I dan SUKSIS II manakala empat (4) Kredit Dapat bagi SUKSIS III, SUKSIS IV, SUKSIS V dan SUKSIS VI.
- 6.6 Bermula Semester I Sesi 2013/2014, Senat Universiti telah meluluskan perubahan jam kredit bagi RELASIS daripada enam (6) jam kredit kepada empat (4) jam kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi RELASIS I dan RELASIS II manakala dua (2) Kredit Dapat bagi RELASIS III dan RELASIS IV.
- 6.7 Bagi kursus SISKOR, jumlah jam kredit adalah empat (4) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi SISKOR I dan SISKOR II manakala dua (2) Kredit Dapat bagi SISKOR III dan SISKOR IV.
- 6.8 Bagi kursus Pengakap Kelanasiswa, jumlah jam kredit adalah empat (4) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi Pengakap Kelanasiswa I dan Pengakap Kelanasiswa II manakala dua (2) Kredit Dapat bagi Pengakap Kelanasiswa III dan Pengakap kelanasiswa IV.
- 6.9 Bagi kursus Pandu Puteri Siswi, jumlah jam kredit adalah tiga (3) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi Pandu Puteri Siswi I dan Pandu Puteri Siswi II, manakala satu (1) Kredit Dapat bagi Pandu Puteri Siswi III.
- 6.10 Bagi kursus Pasukan Bomba Bantuan Institusi, jumlah jam kredit adalah dua (2) Kredit Kira iaitu Pasukan Bomba Bantuan Institusi I dan Pasukan Bomba Bantuan Institusi II.
- 6.11 Bagi kursus Bulan Sabit Merah Malaysia, jumlah jam kredit adalah dua (2) Kredit Kira iaitu Bulan Sabit Merah Malaysia I dan Bulan Sabit Merah Malaysia II.
- 6.12 Bagi kursus Tahfiz Al-Quran, jumlah jam kredit adalah enam (6) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi Tahfiz Al-Quran I dan Tahfiz Al-Quran II manakala empat (4) Kredit Dapat bagi Tahfiz Al-Quran III, Tahfiz Al-Quran IV, Tahfiz Al-Quran V dan Tahfiz Al-Quran VI.

- 6.13 Bagi kursus Pancaragam, jumlah jam kredit adalah empat (4) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi Pancaragam I dan Pancaragam II manakala dua (2) Kredit Dapat bagi Pancaragam III dan Pancaragam IV.
- 6.14 Bagi kursus Robocon, jumlah jam kredit adalah enam (6) kredit iaitu dua (2) Kredit Kira bagi Robocon I dan Robocon II manakala empat (4) Kredit Dapat bagi Robocon III, Robocon IV, Robocon V dan Robocon VI.
- 6.15 Bagi kursus Juru Kerja Paip, jumlah jam kredit adalah dua (2) Kredit Kira iaitu Juru Kerja Paip I dan Juru Kerja Paip II.
- 6.16 Pelajar wajib hadir tidak kurang daripada 80% masa pertemuan. Markah sifar (0%) akan diberikan kepada pelajar yang tidak hadir melebihi tiga (3) kali pertemuan dalam kursus tersebut. Manakala keputusan Hadir Gagal (HG) akan diberikan kepada pelajar kes sama yang mengambil kursus Hadir Wajib (HW) dan kursus Hadir Sahaja (HS).

7. PERATURAN PENDAFTARAN

- 7.1 Pelajar hanya dibenarkan mendaftar **SATU (1)** KKB yang ditawarkan pada setiap semester lazim.
- 7.2 Pelajar mestilah mendaftar dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan bagi mendapat pilihan kursus yang dikehendaki.
- 7.3 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** Tarik Diri (TD) daripada kursus kokurikulum yang didaftarkan berdasarkan kepada Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda & Diploma) UTHM yang berkuatkuasa.
- 7.4 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menukar kursus dan seksyen bagi kursus kokurikulum berdasarkan kepada Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda & Diploma) UTHM yang berkuatkuasa kecuali disebabkan oleh masalah kesihatan yang disokong dan disahkan oleh Pegawai Perubatan dari Hospital Kerajaan atau Pusat Kesihatan Universiti.
- 7.5 Pelajar yang gagal boleh mengulang semula atau mendaftar KKB lain. Kredit dan mata nilai KKB tersebut akan diambil kira dalam pengiraan kredit kira, GPA dan CPA berdasarkan Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda & Diploma) UTHM yang berkuatkuasa.

8. PENGECUALIAN KREDIT

- 8.1 Kelulusan permohonan pengecualian kredit adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda & Diploma) UTHM yang berkuatkuasa.
- 8.2 Kelayakan :
 - (a) Hanya pelajar lulusan UA sahaja layak memohon pengecualian kredit bagi semua KKB yang telah diambil. Permohonan pengecualian

kredit bagi pelajar lulusan bukan UA bergantung kepada kelulusan Dekan PPUK.

- (b) Pengecualian kredit bagi kursus kokurikulum daripada UA selain UTHM hanya diberi bagi yang setara dengan penawaran KKB di UTHM.

- 8.3 Permohonan untuk mendapatkan pengecualian kredit hanya diterima pada semester pertama pengajian.
- 8.4 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar KKB yang telah diberikan pengecualian kredit.

9. PENDAFTARAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

- 9.1 Semua pelajar yang mengambil kursus kokurikulum bercredit pada semester berkenaan hendaklah mendaftar secara atas talian (online) dalam tempoh pendaftaran.
- 9.2 Pelajar hanya dibenarkan mendaftar KKB yang ditawarkan mengikut lokasi kampus masing-masing. Walau bagaimanapun bagi kes-kes tertentu boleh diberi pengecualian dengan kelulusan Dekan PPUK.
- 9.3 Pelajar lepasan diploma IPT tidak dibenarkan mendaftar KKB yang telah diambil di peringkat diploma.
- 9.4 Pendaftaran kursus kokurikulum hendaklah memenuhi keperluan prasyarat kursus tersebut.
- 9.5 Pelajar hanya boleh mendaftar kursus kokurikulum yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum pada semester berkenaan sahaja.
- 9.6 Pelajar hendaklah mendaftar secara manual di Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum bagi kes-kes berikut:
 - i. Kedudukan Bersyarat (KS)
 - ii. Pendaftaran kursus kurang daripada 12 kredit.
 - iii. Pendaftaran kursus melebihi 18 kredit hendaklah mendapat kelulusan Dekan fakulti/ pusat pengajian terlebih dahulu.

10. SINOPSIS KURSUS

TERAS SASTERA LIBERAL

1 UQA 10101 PENDIDIKAN UNDANG-UNDANG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan sistem perundangan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, sistem mahkamah di Malaysia, panduan undang-undang jenayah di Malaysia serta Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

2 UQA 10201 PENDIDIKAN WANITA

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada penjagaan diri wanita, kaunseling wanita, dasar wanita, keusahawanan wanita dan wanita dalam kejuruteraan, sains dan teknologi.

3 UQA 10301 PERKAHWINAN DAN KEKELUARGAAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang perkahwinan dan institusi keluarga. Topik kursus terdiri daripada hubungan akrab dalam konteks sosial, dinamik hubungan akrab, peringkat-peringkat hubungan akrab, cabaran perkahwinan dan keluarga serta perundangan perkahwinan dan keluarga.

4 UQA 10501 KEWARTAWANAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada kewartawanan, perolehan sumber berita, pembinaan penulisan berita, proses penerbitan berita, memahami jenis-jenis berita, tanggungjawab sosial dan etika dalam kewartawanan serta kepentingan gambar dan ilustrasi dalam berita di Malaysia.

5 UQA 10601 SAINS POLITIK

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang elemen-elemen sains politik yang merangkumi dari aspek skandal politik, politik wang, politik dan media, NGO dan politik, hak asasi, alam sekitar, sejarah politik, hubungan antarabangsa, isu-isu politik semasa dan keselamatan.

6 UQA 10701 PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada alam sekitar, isu-isu dalam pengurusan alam sekitar, pencemaran alam sekitar, impak kepada alam sekitar dan kepentingan menjaga alam sekitar.

7 UQA 10801 ASAS KESIHATAN AWAM

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada *World Health Organisation* (WHO), kebersihan dan keselamatan makanan, kawalan mutu air minum, kawalan penyakit bawaan vektor, kawalan penyakit berjangkit, perundangan di dalam kesihatan awam dan promosi kesihatan.

8 UQA 10901 KEMAHIRAN MAKLUMAT

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada perpustakaan, sumber maklumat, sistem perpustakaan, internet dan sumber web, teknik pencarian maklumat, sumber rujukan bibliografi dan sumber rujukan.

9 UQA 11001 KESELAMATAN MAKLUMAT

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan tentang pengenalan kepada rangkaian, media rangkaian, TCP/IP, keselamatan internet dan emel, keselamatan semasa melayari Internet dan digital forensik.

TERAS PENGUCAPAN AWAM

1 UQP 10101 PENGUCAPAN AWAM

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep berucap dan mendengar, etika pengucapan awam, membina keyakinan diri dan menganalisis audien, jenis pengucapan awam, teknik-teknik menyedia dan menyampaikan ucapan dan teknik menghadapi sesi soal jawab.

2 UQP 10201 DEBAT

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan debat, kaedah perdebatan, etika berdebat, persediaan perdebatan, membina karektor pendebat, teknik berdebat, kejurulatihan perdebatan dan sistem serta peraturan pertandingan.

3 UQP 10301 ASAS KEWARTAWANAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada kewartawanan, perolehan sumber berita, pembinaan penulisan berita, proses penerbitan berita, memahami jenis-jenis berita, tanggungjawab sosial dan integriti dalam kewartawanan, kepentingan gambar dan ilustrasi dalam berita, serta proses penerbitan media massa di Malaysia.

TERAS KEUSAHAWANAN

1 UQW 10101 KEUSAHAWANAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengenalan keusahawanan, mendekati usahawan berjaya, penulisan rancangan perniagaan, mesyuarat perancangan perniagaan, belanjawan, pemasaran, pentadbiran dan pengurusan perniagaan dan amalan perniagaan, rancangan perniagaan alternatif, operasi perniagaan dan pembentangan laporan perniagaan.

2 UQW 10201 SISWA MUAMALAT

Kursus ini merangkumi pengenalan dan pencairan, konsep muamalat, pendekatan kaedah konvensional dan muamalat dalam pengurusan, pencarian maklumat dan perancangan muamalat.

3 UQW 10301 BISNES SISWA

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berhubung konsep dan falsafah bisnes siswa, projek bisnes, laporan interim, penyerahan sumbangan sosial serta laporan akhir.

TERAS SUKAN

1 UQS 10101 BADMINTON

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan permainan badminton, undang-undang dan peraturan, kemahiran asas, kemahiran kejurulatihan dan kemahiran kepegawaian dalam permainan badminton.

2 UQS 10201 BOLA BALING

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan permainan bola baling, teknik-teknik permainan, kemahiran asas, kemahiran mengatur strategi permainan, kemahiran kejurulatihan dan kemahiran kepegawaian dalam permainan bola baling.

3 UQS 10301 BOLA JARING

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan permainan bola jaring, kemahiran asas, kawasan permainan dan undang-undang, kemahiran kejurulatihan dan kemahiran kepegawaian dalam permainan bola jaring

4 UQS 10401 BOLA KERANJANG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan permainan bola keranjang, peraturan, undang-undang permainan, kemahiran asas permainan, latihan dan pembentukan pasukan, kemahiran kejurulatihan dan kemahiran kepegawaian dalam permainan bola keranjang.

5 UQS 10501 BOLA LISUT

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan peralatan bola lisut, kemahiran asas permainan, memadang dan menyerang, pepadang larian dan meluncur, kemahiran kejurulatihan dan kemahiran kepegawaian dalam permainan bola lisut.

6 UQS 10601 BOLA SEPAK

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar kemahiran asas tentang pengenalan permainan bola sepak, kecergasan, undang-undang asas, kemahiran hantaran leret, hantaran lambung, kawalan bola tinggi, menggelecek, menanduk, menangkap bola untuk penjaga gol, teknik perlawanan dan pengelolaan pertandingan permainan bola sepak.

7 UQS 10701 BOLA TAMPAR

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang undang-undang dan peraturan permainan, asas sukan, konsep asas sains sukan, teknikal permainan, prinsip latihan dan pembentukan pasukan, kemahiran permainan, pegawai rasmi pasukan dan pengurusan pertandingan sukan bagi permainan bola tampar.

8 UQS 10801 CATUR

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar terhadap falsafah, undang-undang dan peraturan serta prosedur permainan, kemahiran asas permainan catur dan pengelolaan sesuatu pertandingan.

9 UQS 10901 FUTSAL

Kursus ini memberi pendedahan terhadap kemahiran asas permainan futsal, undang-undang dan peraturan permainan, asas kemahiran hantaran dan kawalan bola leret, hantaran dan kawalan bola lambung, mengelecek, menanduk dan menangkap serta prosedur mengelola sesuatu pertandingan.

10 UQS 11001 GOLF

Kursus ini memberi pendedahan aspek kemahiran asas memegang, kedudukan bola, membuat ayunan, memukul di tempat halangan, pukulan menghampiri green, pukulan di atas *green*, mengatasi pukulan mencabar dalam permainan golf, undang-undang dan peraturan permainan, istilah-istilah permainan golf dan prosedur mengelolakan sesuatu pertandingan.

11 UQS 11101 HOKI

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada permainan hoki, peraturan dan undang-undang permainan, kemahiran hantaran, lontaran, lantunan, pertahanan, menyerang, menghalang, kemahiran menjaga gol dan prosedur mengelolakan sesuatu pertandingan.

12 UQS 11201 KAYAK

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas kemahiran berkayak, teknik-teknik kayuhan yang betul, peraturan dan kod keselamatan berkayak, permainan kayak, undang-undang dan peraturan permainan serta prosedur mengelolakan sesuatu pertandingan.

13 UQS 11301 MEMANAH

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan sukan memanah yang merangkumi sejarah sukan memanah, peralatan yang digunakan, langkah-langkah keselamatan, teknik-teknik asas permainan, undang-undang permainan, pengurusan latihan dan pertandingan serta penyelenggaraan alatan.

14 UQS 11601 PING PONG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan penyesuaian kumpulan, pengenalan kepada asas sukan ping pong, pengenalan kepada bentuk servis, membina kemahiran asas, kejurulatihan, kepegawaian dan pengelolaan pertandingan.

15 UQS 11701 RAGBI

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan asas permainan ragbi, asas sukan ragbi, undang-undang dan peraturan permainan, konsep asas sains sukan, kemahiran asas individu, kemahiran berpasukan, asas kejurulatihan dan asas pengadilan.

16 UQS 11801 SEPAK TAKRAW

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas permainan sepak takraw, kecergasan, anatomi dan asas fisiologi, keselamatan dan pengurusan kecederaan sukan, kemahiran asas permainan, lambungan bola servis dan servis, kawalan, hantaran/umpanan, rejaman, hadangan, menanduk, undang-undang dan peraturan permainan dan pengurusan pertandingan.

17 UQS 11901 SILAT OLAHRAGA

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan kepada silat olahraga, aplikasi sains sukan dalam silat olahraga, asas pencak silat, asas pergerakan tangan, asas pergerakan kaki, jatuhan, tepisan dan elakan, senjata dalam pencak silat, pengelolaan pertandingan silat olahraga dan kejohanan pencak silat.

18 UQS 12001 OLAHRAGA BALAPAN

Kursus ini memberi pendedahan dalam aspek kemahiran asas sukan olahraga balapan, undang-undang dan peraturan serta prosedur mengelolakan sesuatu pertandingan yang meliputi aspek keselamatan semasa bersukan, etika pakaian serta aktiviti memanaskan badan sebelum dan selepas sesuatu permainan dilaksanakan.

19 UQS 12101 TAEKWONDO

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang sejarah, peraturan dan falsafah, asas memanaskan badan, teknik regangan, Taegeuk, *sparing* dan tempur tanpa senjata (combat).

20 UQS 12201 TENIS

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan permainan dan sukan tenis, undang-undang dan peraturan permainan, memulakan pertandingan, teknik pukulan, latih tubi dan pengelolaan pertandingan tenis.

21 UQS 12301 TREKING

Kursus ini memberi penekanan terhadap pengenalan treking, peralatan perkhemahan, peta dan kompas, bantuan hutan, pengawalan di kawasan curam dan pertolongan cemas.

22 UQS 12401 TENPIN BOLING

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang sejarah permainan tenpin boling, keperluan permainan tenpin boling, ciri permainan tenpin boling, kecergasan asas, kemahiran asas permainan tenpin boling, perancangan pengelolaan pertandingan, persembahan unit jawatankuasa pengelolaan pertandingan dan pertandingan tenpin boling.

23 UQS 12501 RENANG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan renang, asas renang, kemahiran renang, kemahiran kejurulatihan dan pengurusan dan pengelolaan pertandingan.

24 UQS 12601 KARATE-DO

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang Sejarah Karate-Do, Kemahiran Asas, Kyu, *Kumite(Sparing)*, Karate-do Combat, Kejurulatihan dan Kepegawaian.

25 UQS 12701 SUKAN DAN KECERGASAN

Kursus ini memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar berkaitan pengenalan sukan dan kecergasan, sukan dan aktiviti kehidupan, peralatan sukan dan kecergasan, makanan dan minuman, kecederaan serta kekuatan mental.

TERAS KHIDMAT KOMUNITI

1 UQK 10101 KHIDMAT MASYARAKAT

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan khidmat masyarakat, penubuhan jawatankuasa pelaksana khidmat masyarakat, penyediaan kertas kerja, mesyuarat dengan agensi, kaedah berkomunikasi dengan masyarakat, simulasi program, pelaksanaan program, penyediaan dan pembentangan laporan program.

2 UQK 10201 KHIDMAT KOMUNITI SISWA

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan konsep khidmat komuniti siswa, penubuhan jawatankuasa pelaksana program khidmat masyarakat, penyediaan kertas kerja, kaedah mesyuarat dengan agensi, kaedah berkomunikasi dengan masyarakat, simulasi program serta laporan program.

TERAS KESUKARELAWANAN

1 PALAPES

1.1 UQR 10101 PALAPES I

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap pengetahuan asas ketenteraan di tahap anggota Soldadu Muda Rekrut (SMR).

1.2 UQR 10201 PALAPES II

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai pengetahuan Asas Ketenteraan pada tahap anggota berpangkat prebet.

1.3 UQR 20101 PALAPES III

Kursus ini bertujuan untuk membentuk peradaban, kualiti kepimpinan dan pengetahuan asas ketenteraan untuk menghasilkan pegawai muda yang berketerampilan dan berwawasan.

1.4 UQR 20201 PALAPES IV

Kursus ini bertujuan untuk membentuk peradaban, kualiti kepimpinan dan pengetahuan ketenteraan untuk menghasilkan pegawai muda yang berketerampilan dan berwawasan.

1.5 UQR 30101 PALAPES V

Kursus ini bertujuan untuk membentuk peradaban, kualiti kepimpinan dan pengetahuan asas ketenteraan untuk menghasilkan pegawai muda yang berketerampilan dan berwawasan.

1.6 UQR 30201 PALAPES VI

Kursus ini bertujuan untuk membentuk peradaban, kualiti kepimpinan dan pengetahuan ketenteraan untuk menghasilkan pegawai muda yang berketerampilan dan berwawasan.

2 SUKSIS

2.1 UQR 10301 SUKSIS I

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendedahan terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM), akta polis dan perundangan serta latihan asas kepolisan.

2.2 UQR 10401 SUKSIS II

